



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### APAD ARAHKAN PIHAK SYARIKAT JALANKAN SIASATAN LANJUT BERHUBUNG ISU PEMANDU BERSIKAP KASAR DENGAN PENUMPANG.

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden seorang pemandu bas perkhidmatan awam yang bertindak kasar terhadap seorang penumpang di Johor Bahru
2. Dalam rakaman berdurasi 50 saat yang tular di media sosial baru-baru ini didapati pemandu bas berhenti-henti bernombor pendaftaran JST 9923 telah memarahi dan bertindak kasar terhadap seorang penumpang wanita sebelum menghalau keluar penumpang tersebut.
3. APAD sekali lagi ingin menegaskan pendirian untuk tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pengusaha dan pemandu perkhidmatan pengangkutan awam darat yang berupaya menjejaskan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan. Pihak APAD telah mengarahkan pihak syarikat untuk menjalankan siasatan lanjut bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian, seterusnya memastikan insiden seumpama ini dapat dielakkan daripada berulang. Sebarang tindakan lanjut akan ditentukan sebaik sahaja APAD menerima maklumbalas rasmi daripada pihak syarikat.
4. Dalam perkembangan sama, APAD ingin mengingatkan mana-mana syarikat untuk memantau prestasi pemandu kenderaan masing-masing dalam memastikan keselamatan terhadap pengguna jalan raya yang lain. Pihak APAD beri peringatan tegas kepada semua pengusaha dan pemandu perkhidmatan agar sentiasa mengamalkan etika kerja yang profesional dan berhemah. Sebarang ketidakpatuhan perkhidmatan akan dikenakan tindakan berdasarkan peraturan yang dikuatkuasakan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk bertenang dan tidak membuat spekulasi sehingga siasatan selesai. Sebarang aduan tentang perkhidmatan pengangkutan awam boleh disalurkan melalui saluran aduan rasmi yang disediakan oleh syarikat mahupun pihak kerajaan.

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
6 Mei 2024

-TAMAT-